

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan rebat/insentif pengecualian cukai korporat kepada Agensi/Pihak yang terlibat memajukan pembangunan tanah terbiar di luar bandar.

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk pengecualian cukai kepada pihak yang terlibat dalam memajukan pembangunan tanah. Melalui Bajet 2015, Kerajaan telah mengumumkan pakej galakan cukai bagi kawasan *Less Developed Areas* (LDA) yang bertujuan untuk memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif dengan mempromosikan pelaburan yang berterusan di LDA. Pakej insentif cukai yang disediakan yang masih diterima pakai adalah seperti berikut:-

- i. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% bagi tempoh sehingga 15 tahun (5+5+5) **atau** pengecualian cukai pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun;
- ii. pengecualian duti setem ke atas suratcara pindah milik/ pajakan tanah/ bangunan yang digunakan bagi tujuan projek perkilangan dan perkhidmatan;
- iii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung dalam aktiviti syarikat; dan
- iv. pengecualian cukai pegangan ke atas fi teknikal, perkhidmatan dan royalti 31 Disember 2020.

2. Sejak insentif LDA ini diperkenalkan sehingga tahun 2020, sebanyak 20 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6 billion.

3. Bagi menarik dan menggalakkan penglibatan pemaju hartanah dan syarikat swasta dalam membangunkan kawasan yang telah dikenal pasti di Kawasan seperti berikut:

- i. Iskandar Malaysia (Pembangunan di Selatan Johor);
- ii. Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor);
- iii. Pembangunan Ekonomi Koridor Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak); dan
- iv. Koridor Pembangunan Sabah (SDC).

4. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan insentif bagi menggalakan pembangunan di atas seperti berikut:-

- i. Pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun;
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100% dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori untuk tempoh sehingga 10 tahun;
- iii. Pengecualian ke atas perbelanjaan jualan eksport selama 5 tahun;
- iv. Pengecualian duti import dan cukai jualan tertakluk kepada dasar semasa; dan
- v. Pengecualian duti setem ke atas pengambilalihan tanah bagi tujuan pembangunan.

Sekian, terima kasih.